

INFO ZAKAT



KELUARAN 1/2024

EDARAN PERCUMA



PERSIDANGAN ANTARABANGSA ZAKAT PULAU PINANG 2024



*"Amanah Ummah Dijaga
Hak Asnaf Dibela"*

Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
di pelbagai medium rasmi kami:

[zakatpenang](https://www.zakatpenang.com) 04-549 8088



Laman Web Rasmi:
[zakatpenang.com](https://www.zakatpenang.com)



Portal Pengguna:
[zakatpenang2u.com](https://www.zakatpenang2u.com)





Persidangan Antarabangsa ZAKAT PULAU PINANG 2024

GEORGE TOWN - Persidangan Antarabangsa Zakat Pulau Pinang yang bertemakan "Inovasi Tadbir Urus Zakat Dalam Merapatkan Kesenjangan Sosioekonomi Ummah" ini adalah julung kalinya diadakan dan dijayakan dengan kerjasama Pusat Kajian Pemikiran dan Ketamadunan Islam Negeri Pulau Pinang (Al-Hady Centre Pulau Pinang), Zakat Pulau Pinang (ZPP), Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang- (KITAB) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Persidangan yang berlangsung pada 15 hingga 16 Februari 2024 ini telah diadakan di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia.

Persidangan ini merupakan bukti bahawa Pulau Pinang menjadi tempat percambahan ilmu kersarjanaan Islam dalam konteks zakat, yang merupakan usaha dalam memartabat peranan dan tadbir urus zakat di Pulau Pinang dengan lebih meluas, profesional dan berteknologi.

Perasmian pembukaan persidangan ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, sambil disaksikan oleh YB Dato Dr Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang.

Pada persidangan hari pertama, telah diadakan Sesi Sidang Pleno yang menampilkan lima tokoh bagi membicarakan tentang 'Inovasi Tadbir Urus Zakat Dalam Merapatkan Kesenjangan Sosio Ekonomi Ummah' yang menampilkan Tuan Syed Munawar Syed Mustar, Pengarah Al-Hady Centre Pulau Pinang sebagai moderator.

Antara panel yang terlibat adalah Profesor Dato' Inayah Yaakub, Presiden/Naib Canselor Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL); Dato' Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang (ZPP); Dato' Selamat Paigo, Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR); Profesor Madya Dr. Ahmad Azrin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) serta Profesor Madya Dr. Jasni Sulong, Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia (USM).

Pada persidangan hari kedua, ucap tama telah disampaikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Utama Anwar bin Ibrahim. Turut berada di atas pentas adalah Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr Zambry Abdul Kadir dan Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Dr Mohamad bin Abdul Hamid.

YAB Perdana Menteri juga telah melancarkan e-buku iaitu Isu Zakat Kontemporari: Himpunan Soal Jawab Zakat Berdasarkan Rujukan Kitab dan Fatwa terbitan ZPP dan Malaysia Madani Teras Kelestarian Kewangan Sosial Islam terbitan Al-Hady Centre Pulau Pinang dan KITAB.



Bantuan KEPADA MANGSA RIBUT DI PENAGA



PENAGA - Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah menyerahkan bantuan kecemasan permulaan kepada saudara-saudara kita yang terlibat dengan bencana ribut di Penaga baru-baru ini. Bantuan selanjutnya akan menyusul InsyaAllah. Turut sama, Ustaz Mohd Naim Haji Salleh, Pegawai Penyelaras KADUN Penaga.

Terima kasih atas sokongan dan sumbangan zakat anda. Doakan semoga Allah permudahkan segala urusan saudara kita ini.

1445H
2024M

KADAR ZAKAT FITRAH BAGI NEGERI PULAU PINANG 1445H/2024M

RM7.00 /SEORANG	RM14.00 /SEORANG	RM21.00 /SEORANG
- Super Special Tempatan 5% - Beras Hancur atau lain-lain jenis yang setara dengannya.	- Beras Rebus - Beras Putih Thai - Beras Putih Import - Beras Perang atau lain-lain jenis yang setara dengannya.	- Beras Wangi - Beras Pulut - Beras Herba Ponnli - Beras Calrose - Beras Basmati atau lain-lain jenis yang setara dengannya.

Bayar Zakat Fitrah Secara Dalam Talian Di Pautan
zakatpenang2u.com
 atau imbas kod QR di sebelah.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela





LAWATAN MAJLIS AGAMA ISLAM

WILAYAH PATTANI

BUKIT MERTAJAM – Baru-baru ini, Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menerima lawatan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Thailand. Lawatan bertujuan bagi melihat pengalaman Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam urus tadbir zakat di negeri ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP, Encik Mohamad Kairi Ghazalli menyambut rombongan lawatan berkenaan. Lawatan diketuai oleh Dr. Haji Ahmadkamel Haji Wan Yusof, Timbalan YDP Majlis Agama Islam Wilayah Pattani.

ZPP merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian Majlis Agama Islam Wilayah Pattani datang ke Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Semoga lawatan ini membuahkan manfaat besar buat seluruh umat Islam di sana nanti. Insha-Allah.





MAJLIS PENTAULIAHAN

AMIL ZAKAT FITRAH & SUMBANGAN EHYA' RAMADAN

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 2024

SEBERANG JAYA – Kadar bayaran Zakat Fitrah bagi Pulau Pinang tahun 1445H / 2024M ditetapkan pada tiga kadar berbeza iaitu RM7, RM14 dan RM21. Kadar ini meningkat sedikit berbanding tiga kadar sama tahun 2023 iaitu RM7, RM13 dan RM20.

Timbalan Ketua Menteri 1, YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata, mana-mana individu yang ingin membuat bayaran lebih tinggi mengikut harga beras yang dimakan adalah digalakkan.

Beliau yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengumumkan kadar zakat fitrah tersebut dalam Majlis Pentauliah Amil Zakat Fitrah & Sumbangan Ehya' Ramadan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 yang telah berlangsung di Wisma Al Ansar, Masjid Seberang Jaya.

Dalam majlis tersebut, beliau turut menyampaikan anugerah Kutipan Zakat Fitrah Terbaik Tahun 2023. Tiga anugerah yang terlibat adalah Anugerah Kutipan Zakat Fitrah Tanpa Tunai Tertinggi, Anugerah Peratusan Kenaikan Kutipan Tertinggi dan Anugerah Pengurusan Fitrah Terbaik.

Pada tahun ini, Zakat Pulau Pinang telah melantik seramai 1,699 orang Amil Zakat Fitrah yang melibatkan 237 pusat kutipan bagi memungut Zakat Fitrah di seluruh negeri Pulau Pinang.

YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid turut memaklumkan bahawa pada tahun 2024 ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM260,000.00 sebagai sumbangan Ehya' Ramadan kepada masjid-masjid dan surau Jumaat di Pulau Pinang melibatkan sebuah masjid negeri, 6 buah masjid daerah, 208 buah masjid kariah, 14 buah masjid biasa (Ghairu Jamek) dan 21 buah surau Jumaat. Jumlah keseluruhan yang terlibat adalah sebanyak 250 buah masjid dan surau Jumaat di Pulau Pinang.

Bagi tujuan pengimaran masjid sepanjang tahun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut menyalurkan sumbangan sebanyak RM1 juta kepada 7 buah masjid utama negeri Pulau Pinang (Masjid Negeri dan 6 buah masjid daerah).



PELANCARAN SKIM AGIHAN ZAKAT PAKAIAN SERAGAM

BACK TO SCHOOL



BAYAN BARU – Majlis pelancaran Skim Agihan Zakat Pakaian Seragam *Back To School* telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di pusat membeli belah Sunshine Square.

Melalui program *Back To School*, dianggarkan seramai 20,000 orang murid negeri Pulau Pinang akan menerima pakaian seragam sekolah, membabitkan sumbangan zakat sebanyak RM3 juta.

Skim ini telah bermula sejak tahun 2008 lagi dalam mengagihkan kelengkapan persekolahan murid-murid yang beragama Islam yang layak dalam kalangan asnaf fakir dan miskin di seluruh negeri Pulau Pinang.

Penyaluran agihan skim ini adalah melalui penebusan tanpa tunai yang melibatkan 20 outlet yang dilantik oleh Zakat Pulau Pinang dengan hanya menggunakan kad pengenalan penerima.

Semoga Skim Agihan Zakat Pakaian Seragam *Back To School* ini memberi manfaat besar dan digunakan dengan sebaiknya oleh setiap penerima.



PROGRAM MULTAQA IMAM

PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2024



KEPALA BATAS - Seramai 1,292 orang pegawai masjid yang terdiri daripada imam, bilal dan siak di negeri ini kini dilindungi dengan Skim Keselamatan Sosial dibawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata, kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah memperuntukkan bayaran caruman sebanyak RM232.80 bagi setiap seorang kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Skim Perlindungan diri.

Menurutnya, kerajaan turut memperuntukkan sebanyak RM6.703 juta bayaran elaun imbuhan bulanan imam serta bayaran one off kepada imam, bilal dan siak pada tahun ini.

"Bayaran elaun sebanyak RM850 sebulan bagi seorang imam dengan agihan kepada 460 imam di seluruh negeri ini manakala bayaran saguhati tahunan pula diberikan kepada imam, bilal dan siak dibayar sebanyak RM700 seorang sebagai pembayaran one off pada tahun ini.

"Insya-Allah pembayarannya akan diselaraskan sebelum sambutan Aidilfitri akan datang," katanya ketika berucap pada Program Multaqa Imam Peringkat Pulau Pinang yang diadakan pada Sabtu.

Hadir sama, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor; Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ruslan Said; Pengarah Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Zulkifli Rashid dan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Dato' Amran Hazali.

Mengulas lanjut, YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Exco Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang berkata, keseluruhan peruntukan yang disediakan adalah inisiatif Kerajaan Perpaduan di bawah konsep Malaysia Madani yang telah diselaraskan oleh JAKIM dan kerajaan negeri Pulau Pinang.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga turut memperuntukkan bayaran elaun bulanan kepada Imam Rawatib Masjid Daerah, bilal dan siak di seluruh negeri ini dengan melibatkan keseluruhan kos sebanyak RM5.26 juta.

Jelasnya, peruntukan itu melibatkan bayaran elaun bulanan Imam Rawatib di setiap masjid daerah berjumlah RM600 setiap bulan, begitu juga elaun bulanan kepada bilal dan siak yang dibayar RM500 sebulan.

"Agihan keseluruhan pembayaran itu diberikan kepada 880 orang penerima melibatkan 214 buah masjid di seluruh Pulau Pinang," katanya lagi.





Program Ziarah Kasih YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

BUTTERWORTH – Zakat Pulau Pinang (ZPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut serta dalam Program Ziarah Kasih Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang menyantuni keluarga Allahyarham Mohd Izwan Illias, anggota bomba yang terjatuh ke dalam Sungai Perai ketika menyelenggara bot di Jeti Pangkalan Marin Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Mak Mandin.

Dalam program anjuran Yayasan Amal TYT Pulau Pinang tersebut, YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP, MAINPP menyerahkan sumbangan zakat dan hamper barangan dapur kepada keluarga Allahyarham di kediaman mereka di Pekan Darat, Butterworth sambil disaksikan Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak.

Semoga Allah SWT mempermudah segala urusan keluarga Allahyarham dan semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.



RM4.473 JUTA

AGIHAN ZAKAT NUR RAMADAN

2024

BUTTERWORTH – Objektif utama penganjuran Program Agihan Zakat Nur Ramadan 2024H/1445H ini adalah bertujuan untuk meringankan beban golongan asnaf fakir dan miskin di Negeri Pulau Pinang, seterusnya memberikan kegembiraan sempena menyambut kedatangan Ramadan dan Aidilfitri setiap tahun.

Program ini disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

Seramai 4,154 orang penerima dalam kalangan asnaf fakir dan miskin telah disenaraikan pada tahun ini. Setiap seorang menerima wang tunai sebanyak RM700.00 dan sebuah e-hampers yang bernilai RM100.00. Program yang bertempat di Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam ini khas untuk penerima sekitar Kepala Batas sahaja, sementara wang zakat bagi penerima bantuan di daerah lain akan dikreditkan ke akaun masing-masing.

Terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat kerana melaksanakan tanggungjawab berzakat di Zakat Pulau Pinang, MAINPP.

Semoga lebih ramai individu dan syarikat korporat tampil menunaikan zakat bagi membela golongan asnaf di negeri Pulau Pinang ini.



Skim PERUBATAN DAN KEWANGAN BULANAN ZPP



BAYAN LEPAS – Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang turun padang untuk menziarahi asnaf-asnaf yang memerlukan Skim Perubatan dan Skim Sarahidup. Kebanyakan asnaf yang dikunjungi adalah pesakit terlantar dan memerlukan lampin pakai buang, katil khas dan susu khas. Dalam kes sebegini Skim Sarahidup Kewangan Bulanan akan disalurkan bagi meringankan kesulitan mereka. Terima kasih tidak terhingga atas sumbangan dan sokongan semua pembayar zakat. Zakat anda akan terus disalurkan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Zakat anda juga boleh ditunaikan secara *online* di – zakatpenang2u.com

Sumbangan KECEMASAN BUAT MANGSA KEBAKARAN MEDAN SELERA JELUTONG



JELUTONG – YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, TKM 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyampaikan sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada 10 orang peniaga muslim yang terlibat dengan kebakaran astaka / medan selera di Jelutong. Turut hadir bersama, Dato' Dr. Roslan Ahmad, Timbalan YDP MAINPP dan Encik Mohamad Kairi Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP. Semoga dengan sumbangan bantuan zakat ini dapat meringankan beban peniaga yang terlibat. Terima kasih kepada pembayar zakat yang telah banyak menyumbang.



ZPP, MAINPP SUMBANG 7 VAN JENAZAH BERNILAI RM1.1 JUTA

GEORGE TOWN - Zakat Pulau Pinang (ZPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyumbangkan van jenazah ketujuh kepada Masjid Daerah Timur Laut atau lebih dikenali sebagai Masjid Terapung, sekali gus melengkapkan penyerahan van-van jenazah kepada tujuh buah masjid di negeri ini melibatkan jumlah keseluruhan RM1.1 juta.

Timbalan Ketua Menteri 1, YB Dato' Dr Mohamad Abdul Hamid berkata, van bernilai RM155,752 seunit itu disumbangkan menggunakan dana tawaquf di bawah asnaf fisabilillah bertujuan memudahkan pengurusan jenazah anak kariah masjid terlibat.

"Selain Masjid Daerah Timur Laut, enam masjid tersebut ialah Masjid Negeri Pulau Pinang, Masjid Daerah Barat Daya, Masjid Daerah Seberang Perai Utara (Kepala Batas), Masjid Daerah Seberang Perai Utara (Butterworth), Masjid Daerah Seberang Perai Tengah dan Masjid Daerah Seberang Perai Selatan."

YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Penyerahan Sumbangan Van Jenazah Masjid Daerah Timur Laut.

Tambah beliau, sumbangan van jenazah tersebut telah dilaksanakan sejak tahun 2022 dengan nilai keseluruhan agihan zakat berjumlah RM872,280.

"Penganjuran majlis hari ini merupakan manifetasi kecaknaan kerajaan Pulau Pinang yang komited dalam memartabatkan syiar Islam untuk terus diperkukuhkan dengan jalinan kerjasama agensi di bawah MAINPP.

"Perkhidmatan yang sempurna dengan kemudahan van jenazah ini pastinya akan membolehkan urusan pengebumian masyarakat Islam di sini dapat dijalankan dengan lebih cepat dan teratur sebagaimana yang dituntut oleh hukum syarak," katanya.

Beliau menambah, dalam konteks gagasan Malaysia Madani, dengan dana agihan zakat yang diuruskan oleh ZPP, ia seiring dan bertepatan dengan elemen keterangkuman bagi membina masyarakat Islam bertamadun yang menitikberatkan kepada masyarakat yang diurus dengan baik, membolehkan setiap rakyat mencapai kesejahteraan serta kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali berkata, objektif sumbangan tersebut adalah untuk melengkapkan lagi fungsi dan perkhidmatan pengurusan jenazah yang efisien di setiap kariah yang terlibat.

"Di samping itu, ia memberikan pendedahan kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang berkaitan pengurusan dan pelaksanaan program-program agihan yang dijalankan oleh ZPP.

"Dengan adanya majlis sumbangan ini juga diharapkan dapat mewujudkan jalinan kerjasama yang lebih erat di antara Jawatankuasa Kariah Pulau Pinang dengan ZPP dan MAINPP," katanya.



Skim DERMASISWA PENGAJIAN ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP TAHUN 2024

Terbuka kepada semua pelajar yang berkelulusan di peringkat DIPLOMA, IJAZAH SARJANA MUDA, IJAZAH SARJANA, IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

INSTITUSI YANG TERSENARAI DALAM MQA / KERAJAAN MALAYSIA SAHAJA

Syarat Umum

Bermula 02 April 2024 - 30 November 2024

1. Beragama Islam.
2. Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap.
3. Bermastautin di Pulau Pinang.
4. Tidak mendapat bantuan/tajaan pembiayaan, biasiswa atau pinjaman boleh ubah dari mana-mana pihak kecuali PTPTN dan Bantuan Kewangan Negeri Pulau Pinang.
5. Permohonan hendaklah dilakukan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh mendapat keputusan peperiksaan kecuali bagi pelajar luar negara.
6. Permohonan sekali sahaja dalam tempoh setahun.

Cara Mohon

Permohonan dalam talian melalui portal zakatpenang2u.com

Sebarang pertanyaan

BAHAGIAN AKADEMIK DAN PENDIDIKAN
Unit Pendidikan & Dermasiswa,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Tel: 04-549 8088 (Ext: 125/129/151/155/168)
WhatsApp: +60111 507 1117 / +6019 431 9199
Emel: pendidikan@zakatpenang.com



KADAR NISAB ZAKAT HARTA BAGI TAHUN SEMASA 2024

RM24,200.00

** Kadar Nisab Semasa adalah berdasarkan nilai 85 gram emas.
** Nisab adalah kadar minima yang ditetapkan oleh syarak yang layak dikenakan zakat.



Laman Web Rasmi
zakatpenang.com



Portal Rasmi
zakatpenang2u.com

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



FIDYAH



184. (Yaitu) beberapa hari tertentu. Maka barangsiapa di antara kamu sakit atau dalam perjalanan (talu tidak berpuasa), maka (wajib mengganti) sebanyak hari (yang dia tidak berpuasa itu) pada hari-hari yang lain. Dan bagi orang yang berat menjalankannya, wajib membayar fidyah, yaitu memberi makan seorang miskin. Tetapi barangsiapa dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka itu lebih baik baginya, dan puasamu itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. (Surah Al-Baqarah: 184)

Bayar Fidyah di Zakat Pulau Pinang, MAINPP

RM1.75 /sehari

Kira & bayar fidyah dalam talian di portal zakatpenang2u.com



atau imbas kod QR



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



JOM DAFTAR SKIM SAKINAH

Layari laman web:

zakatpenang.com/skim-sakinah/

Daftar **Skim Sakinah** (Skim Potongan Zakat Bulanan) anda secara Online sekarang.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



[zakatpenang](http://zakatpenang.com)

04-549 8088

Portal Rasmi:
zakatpenang2u.com

Laman Web Rasmi:
zakatpenang.com

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

DATO' HAJI AMRAN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG

SIDANG EDITOR

DR. WAFDI AUNI MOHAMED
PEGAWAI TUGAS-TUGAS
KHAS

DR. HAJI MOHAMAD SALLEH ABDULLAH
PENGURUS BESAR JABATAN
KHIDMAT PENGURUSAN

KETUA EDITOR

DATO' HAJI AMRAN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG

EDITOR

MOHAMAD FADZIL JAMALUDDIN

JURUGAMBAR

AHMAD AZRUL HALIT/
MOHD HUSSEIN